

Pakatan Harapan gesa Putrajaya hentikan 'dana suka hati' Najib
Malaysian Insider
Oct 27, 2015
Oleh Diyana Ibrahim

Putrajaya digesa menghentikan serta merta peruntukan yang dinamakan 'dana ikut suka hati Najib' sebanyak RM20.3 bilion di bawah peruntukan Bajet 2016, kata Jawatankuasa Ekonomi Pakatan Harapan hari ini.

Ahli Parlimen Shah Alam Khalid Samad yang membidas peruntukkan tersebut berkata, jumlah yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak itu dilihat mengambil sebahagian besar daripada kewangan negara.

"Pemotongan besar-besaran dikenakan ke atas bidang pendidikan, kebajikan dan perbelanjaan sosial tetapi bagi Jabatan Perdana Menteri lebih banyak wang diperuntukkan di bawah Bajet 2016 berbanding RM19 bilion pada 2015," katanya pada sidang media di lobi Parlimen hari ini. – 27 Oktober, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pakatan-harapan-gesa-putrajaya-hentikan-dana-suka-hati-najib>